

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10394**

**SOALAN :**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan laporan kemaskini tentang kegiatan gelap para pengganas IS di Malaysia sehingga ianya bakal menyebabkan ancaman keselamatan ke atas kegiatan sosial komuniti bukan Islam seperti "The Better Beer Festival" yang sesungguhnya telah terlansung tanpa kejadian sejak bertahun-tahun yang lalu.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pesta Bir di Kuala Lumpur dibatalkan kerana wujudnya perancangan untuk mensabotaj festival berkenaan sekiranya ia diteruskan sekali gus menafikan dakwaan sebelum ini kononnya bantahan ke atas penganjuran Pesta Bir berkaitan dengan sensitiviti keagamaan, perkauman atau desakan politik. Umum juga sedia maklum bahawa penganjuran festival ini pada tahun-tahun sebelumnya tidak pernah disekat kerana tiada maklumat mengenai ancaman sedemikian.**

**PDRM tidak akan sesekali menggadaikan keselamatan rakyat dan harta benda awam hanya kerana wujud tekanan daripada pihak-pihak berkepentingan. Semua maklumat keselamatan yang diperolehi juga tidak boleh didedahkan semata-mata untuk tunduk kepada tekanan daripada mana-mana pihak agar kerahsiaan maklumat keselamatan berkenaan terpelihara.**

**Keputusan ini perlu kerana semua harus faham bahawa memerangi ancaman militan bukanlah sesuatu yang mudah. Kuasa-kuasa besar dunia yang memiliki kecanggihan teknologi sekalipun gagal menyekat negara mereka daripada terus menjadi sasaran militan. Apa yang pasti, tindakan pencegahan adalah lebih berkesan berbanding membiarkan jiwa terkorban terlebih dahulu.**

**Justeru, keputusan ini tidak harus dipertikaikan atau dipolitikkan oleh mana-mana pihak yang kononnya untuk membela sesuatu kaum atau agama. Sesungguhnya Kerajaan akan melakukan yang terbaik demi memelihara keselamatan dan kepentingan rakyat Malaysia kerana ancaman yang wujud adalah nyata serta tidak boleh dikompromi.**